

Peguam tidak puas hati, ambil kes secara percuma

UM 2.4.2010 ms 1b

PETALING JAYA 1 April - "Macam mana bagi orang yang betul-betul tiada duit, miskin? Kalau dia jalan-jalan kes sendiri dan kalah, ia tidak adil, puan."

Itu antara kenyataan seorang peguam bela yang tiba-tiba bangkit selepas seorang peguam bela dari Jabatan Bantuan Guaman, Bahagian Hal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri menarik diri daripada mewakili anak guamnya yang merupakan tertuduh dewasa.

Jelas tidak berpuas hati dengan tindakan tersebut, peguam, Suzana Norlihan Alias menawarkan diri untuk mewakili tertuduh, Mohd. Yusof

Zainuddin, 32, secara percuma (pro bono).

Terdahulu, peguam, Mah Soon Sin menarik diri daripada mewakili Mohd. Yusof selepas Mahkamah Sesyen di sini hari ini menolak pengakuan salah tertuduh selepas dia tidak bersetuju dengan kandungan fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwa raya.

Jelas Soon Sin, beliau hanya menerima arahan untuk membuat rayuan bagi pihak tertuduh dan dibawah Akta Bantuan Guaman, beliau tidak boleh mewakili Mohd. Yusof dalam perbicaraan.

Pengutip sarang burung itu sebe-

lum ini mengaku bersalah atas tuduhan menyamun pekerja sebuah stesen minyak warga Indonesia dikenali sebagai Tatik kira-kira pukul 3 pagi, 9 September 2008 di Lot 7906, Jalan Balakong, Taman Sungai Besi Indah, Seri Kembangan dekat sini.

Pertuduhan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 395 dan 397 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh disebat.

Sebaik sahaja mahkamah merekodkan penarikan diri tersebut, Suzana terus bangkit dan menyuarakan rasa tidak puas hatinya.

"Saya peguam, dia peguam. Seo-

rang peguam tidak boleh menjadi terlalu memilih, sekurang-kurangnya apa yang dia boleh lakukan ialah kata akan balik ke pejabat dan cuba dapatkan arahan daripada ketua atau cuba berbuat sesuatu dan bukannya bertindak demikian," kata Suzana.

Hakim Rozina Ayob kemudian menjelaskan kepada Suzana bahawa tindakan Soon Sin adalah disebabkan terdapat batasan dalam Akta Bantuan Guaman.

Beliau juga sempat bertanya kepada Suzana apakah dia berminat untuk mengambil kes itu secara pro bono.

"I have too (saya perlu berbuat

demikian)," ujarnya.

Kes itu ditetapkan untuk perbicaraan selama dua hari bermula 25 Mei ini.

Soon Sin ketika ditemui pemberita selepas prosiding memberitahu, berdasarkan akta tersebut, peguam mempunyai bidang kuasa yang terhad dalam mewakili seseorang tertuduh.

Ini kerana jelasnya, dalam kes jenayah yang membabitkan tertuduh dewasa, Jabatan Bantuan Guaman boleh mewakili mereka bagi tujuan membuat rayuan sahaja manakala bagi perbicaraan, kebenaran perlu diperoleh daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri terlebih da-

hulu.

Tambahnya, bidang kuasa mereka lebih tertumpu kepada kes-kes membabitkan remaja yang berumur di bawah 18 tahun atau mereka yang dinyatakan dalam Akta Kanak-Kanak dan kes-kes lain seperti perceraian, tuntutan hak pengguna serta kema-langan.

Selain itu, peguam yang memegang jawatan sebagai Penolong Penggarah (Sivil) di Jabatan Bantuan Guaman Selangor menyatakan, jabatan itu hanya mengenakan bayaran RM2 sebagai yuran guaman bagi mereka yang berpendapatan RM25,000 setahun.